

Bahrain kagumi Dr Mahathir

BH 30 JAN 2001

PUTRAJAYA, Isnin – Perdana Menteri Bahrain, Shaikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa menyifatkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri yang mempunyai kewibawaan luar biasa.

Shaikh Khalifa berkata, kebolehan rakan sejawatannya itu di pentas dunia sangat dihormati Bahrain.

“Wawasan beliau (Dr Mahathir) dan pandangan antarabangnya dapat meningkatkan kerjasama erat di antara negara membangun,” katanya dalam satu kenyataan dua muka surat di sini, hari ini.

Kenyataan itu diedarkan kepada media massa yang membuat liputan lawatan rasmi tiga harinya ke negara ini, bermula hari ini. Lawatan itu adalah atas jemputan Dr Mahathir yang melawat Bahrain pada 1997.

Shaikh Khalifa, mengetuai rombongan seramai 55 orang termasuk empat

Menteri, diberikan sambutan permaidani merah sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, pagi tadi.

Beliau berkata, Bahrain juga berminat belajar daripada pengalaman Malaysia, bagi menyediakan negaranya menghadapi cabaran ekonomi global.

Katanya, Malaysia sudah mencapai kejayaan besar dalam pelbagai bidang, dalam jangka masa pendek, yang membolehkannya mencapai tamadun yang tinggi.

Shaikh Khalifa berkata, mengekalkan momentum dasar itu adalah penting dalam menghadapi cabaran alaf baru.

Beliau berkata, lawatannya ke negara ini memberi peluang kepadanya untuk bertemu Dr Mahathir dan bertukar-tukar pandangan berkaitan isu serantau dan antarabangsa.

“Kami juga berharap la-

watan ini akan menyumbang kepada meningkatkan hubungan antara kedua-dua negara, dan kerjasama dalam bidang lain bagi kebaikan bersama,” katanya.

Beliau berkata, ini bagi membolehkan Manama, ibu negara Bahrain dan Kuala Lumpur menyumbang bersama ke arah meningkatkan keselamatan, kestabilan dan kerjasama antarabangsa.

Shaikh Khalifa juga menyampaikan perutusan ucap selamat daripada Amir Bahrain, Shaikh Hamad bin Essa Al-Khalifa kepada kepimpinan dan rakyat Malaysia.

“Kami gembira ketika lawatan ini, kedua-dua negara menandatangani memorandum persefahaman untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi meningkatkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang, bagi mencerminkan hubungan yang erat antara kedua-dua negara,” katanya.